

**NO. SOALAN: 216**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NG WEI AIK [ TANJONG ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan projek, lokasi, harga jualan dan bilangan unit bagi setiap projek Perumahan 1Malaysia (PR1MA) yang sedang dirancang dan akan dilancarkan di negeri Pulau Pinang dan status terkini bagi setiap projek yang dirancang tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini, sebanyak 24,359 unit rumah telah diluluskan oleh Anggota Perbadanan PR1MA untuk dibina di negeri Pulau Pinang. Jumlah ini juga dijangka akan meningkat mengikut kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA yang diadakan dari semasa ke semasa. Kesemua projek-projek tersebut berada dalam pelbagai fasa perancangan dan pembinaan.

Dalam melaksanakan pembinaannya, PR1MA telah mengenal pasti lokasi strategik dan berpotensi untuk pembangunan rumah PR1MA di Pulau Pinang. PR1MA sedang rancak menjalankan usaha untuk mengenal pasti lokasi-lokasi lain yang sesuai untuk pembangunannya. PR1MA juga mengalu-alukan sebarang cadangan dari pihak Kerajaan Negeri serta pemaju swasta mahupun orang perseorangan yang mempunyai tanah-tanah di kawasan yang bersesuaian dan strategik untuk pembangunan PR1MA di Pulau Pinang. Sekiranya ada, PR1MA boleh mempertimbang dan mengkaji kesesuaianya.

Pada masa ini PR1MA sedang menyediakan permohonan Kebenaran Merancang bagi projek-projeknya di Pulau Pinang dan akan memajukan permohonan tersebut kepada Kerajaan Negeri dalam tempoh terdekat mengikut peringkat perancangan projek.

**Apabila rumah PR1MA yang dirancang ini siap kelak, harga rumah PR1MA yang ditawarkan adalah selaras dengan tahap kemampuan golongan sasaran iaitu di antara RM100,000 – RM400,000 bergantung kepada faktor lokasi, jenis rumah dan sebagainya.**

**Sekian. Terima kasih.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK  
[TANJONG]**

**SOALAN : 217**

Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan-rancangan untuk memastikan feri Pulau Pinang dapat ditingkatkan lagi kecekapannya tanpa perlunya tambang feri dinaikkan lagi dan sama ada Kerajaan Persekutuan bercadang untuk memperkenalkan perkhidmatan teksi air di sekitar Pulau Pinang dan juga di antara Pulau Pinang dengan Seberang Perai bagi mengurangkan kesesakan trafik.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Sejak mengambil alih aset feri dan terminal Pulau Pinang pada tahun 2014, Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) telah membelanjakan sejumlah RM826,868.96. Perbelanjaan ini melibatkan kerja-kerja penambahbaikan dan penggantian di terminal feri dan Limbungan Bagan Dalam seperti penggantian fender, penambahbaikan sistem saliran, kerja-kerja pemulihan di Slipwat dan penggantian peralatan feri seperti *pump hose* dan gear hidraulik. Namun demikian, kerugian yang dialami dalam menjalankan operasi feri ini akibat faktor kos operasi yang kini tidak dapat ditampung oleh pendapatan yang dijana oleh operasi feri telah menyekat kemampuan pengendali dari mempertingkatkan mutu operasi dan penambahbaikan infrastruktur berkaitan feri secara menyeluruh.

Kementerian difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telahpun merangka Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang bagi meningkatkan kecekapan pengangkutan awam dan mengurangkan kesesakkan trafik di Pulau Pinang. Oleh itu, sebarang perancangan masa hadapan termasuklah penambahbaikan dan perbelanjaan modal bagi perkhidmatan feri perlu mengambilkira perancangan menyeluruh modal pengangkutan awam di Pulau Pinang memandangkan perkhidmatan feri merupakan antara komponen di dalam rangkaian pengangkutan di Pulau Pinang.

Dalam hubungan ini, cadangan pelaksanaan *water taxi* juga perlu selari dengan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Inisiatif pelaksanaan *water taxi* yang dirancang perlu mengambilkira faktor kos operasi, lokasi

terminal *water taxi*, *viability* dan modal perniagaan. Kerajaan Persekutuan bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk inisiatif di atas bagi meningkatkan lagi kecekapan perkhidmatan pengangkutan awam di Pulau Pinang.